

14 APR 1999

Mahathir-Hassanal

SULTAN BRUNEI KUNJUNGI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah hari ini mengunjungi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sedang berehat di kediaman peribadinya di The Mines di Sungai Besi sini.

Kunjungan itu dibuat selepas tiga hari Perdana Menteri dibenarkan pulang dari Institut Jangtung Negara (IJN) selepas dirawat selama 11 hari kerana infeksi paru-paru.

Dr Mahathir, berserta dengan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, nampak ceria ketika menyambut Sultan Hassanal pada pukul 11.25 pagi.

Sultan Hassanal yang tiba dari Bandar Seri Begawan awal hari ini adalah pemimpin asing yang pertama melawat Dr Mahathir sejak beliau keluar dari IJN.

Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud bertindak sebagai Menteri Pengiring kepada baginda Sultan Hassanal, orang kenamaan yang kedua mengunjungi Dr Mahathir selepas Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar yang mengunjungi beliau Isnin lepas sejurus sebelum beliau keluar dari IJN.

Perdana Menteri juga telah menerima kad ucap selamat daripada beberapa pemimpin asing semasa beliau dirawat di IJN.

Walaupun Dr Mahathir dikatakan sudah sihat kembali sepenuhnya, para doktor di IJN menasihatkan beliau supaya terus berehat di rumah sebelum memulakan tugas beliau.

Perdana Menteri telah dimasukkan ke IJN pada 2 April selepas kembali daripada menunaikan ibadah haji di Mekah.

Sejurus selepas kunjungan Sultan Hassanal, Dr Mahathir menerima kunjungan anggota-anggota kabinetnya pula yang sebelum itu mengadakan mesyuarat mingguan dengan dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Bagaimanapun, Abdullah tidak menyertai rombongan itu kerana beliau menghadiri jamuan makan tengahari bersama Sultan Hassanal.

Dr Mahathir bercakap kepada anggota-anggota Kabinet itu selama 40 minit.

Apabila ditanya oleh Bernama mengenai keadaan (kesihatan) beliau, Perdana Menteri menjawab: "saya baik sahaja."

-- BERNAMA

ES AHH WAT